

PENGUNAAN KAEDAH “DRILL AND PRACTICE” DALAM P&P UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR DI DALAM “SUMMARY WRITING”

Zainah Binti Mohd Fauzie & Mohd Idzam Zakaria

ABSTRAK

Tujuan kajian tindakan ini dijalankan adalah untuk menguji sejauhmana keberkesanan kaedah “Drill & Practice” dalam membantu meningkatkan kemahiran pelajar di dalam “Summary Writing”. “Drill” merupakan “a behaviourist aligned technique” dimana pelajar diberikan bentuk bahan yang sama berulang kali sehingga mereka berjaya mencapai aras kemahiran yang telah disasarkan. Pelajar akan diberikan bentuk soalan yang sama untuk dijawab dan juga aktiviti yang sama dalam setiap sesi pengulangan (iteration). Peningkatan pencapaian pelajar dalam setiap aktiviti yang dijalankan akan menaikkan pelajar ke tahap yang lebih sukar (mengikut aras kemahiran pelajar). Melalui kajian ini adalah diharapkan agar kami akan dapat melakukan penambahbaikan dalam strategi pengajaran kami dan seterusnya membantu dalam meningkatkan lagi kemahiran belajar di kalangan pelajar.

PENGENALAN

“Summary Writing” merupakan salah satu kemahiran yang telah diajarkan kepada pelajar sejak mereka berada di dalam tingkatan Menengah Rendah lagi. Mereka juga turut didedahkan dengan teknik-teknik penulisan “Summary Writing”. Oleh yang demikian mereka sepatutnya mampu mendapatkan markah yang baik untuk Kertas 2 Bahagian C iaitu sekurang-kurangnya 10,9,8,7 dan 6 daripada 15 markah yang diperuntukan. Namun, apa yang berlaku selepas Peperiksaan Excel 1 yang dijalankan pada bulan Mei adalah sesuatu yang tidak seharusnya berlaku terutama di kalangan pelajar tingkatan 5A,5B dan 5C. Majoriti pelajar di ketiga-tiga kelas ini tidak dapat melepasi 5 markah. Ada juga pelajar yang tidak ingat format “Summary Writing” kerana mereka menulis dalam bentuk perenggan yang sepatutnya tidak berlaku. Ekoran daripada itu kami telah membuat keputusan untuk mengadakan “Drill and Practice” khas untuk “Summary Writing”.

Objektif yang ingin kami capai hasil dari kajian yang dijalankan ialah secara umumnya untuk meningkatkan nilai CGPA sekolah dengan peningkatan peratus kelulusan BI di dalam peperiksaan SPM 2008. Manakala objektif khusus yang telah kami tetapkan adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam memahami kehendak soalan, mengenalpasti isi penting, mengaplikasikan “Transitional

Expression” (”logical Connectors” dan ”Sequence Connectors”) yang sesuai dan juga menguasai teknik penulisan ”Summary Writing”. Kami juga berharap agar peratus pelajar yang memperolehi markah lebih tinggi setiap kali peperiksaan atau ujian terancang diadakan akan meningkat.

PROSEDUR

Pada peringkat awal kajian ini dijalankan, kami telah menjalankan ujian ke atas semua pelajar dari kelas tingkatan 5A,5B dan 5C. Soalan ujian yang diberikan mengandungi satu soalan ”Summary Writing” yang mudah (70 patah perkataan) berdasarkan sebuah petikan pendek dan diikuti dengan satu soalan ”Summary Writing” yang diambil daripada soalan SPM tahun 2006. Sebelum sesi ujian tersebut dijalankan, kami telah terlebih dahulu membincangkan teknik dan strategi ”Summary Writing” semasa P&P. Selain daripada itu kami juga telah menyediakan nota dan contoh ”Summary Writing” untuk diberikan kepada pelajar.

Seterusnya selepas memperolehi hasil daripada ujian yang dijalankan kami telah mengadakan kaedah ”Drill & Practice” secara intensif. Berikut adalah jadual kerja kami :

No	Tarikh	Perkara	Sasaran
1	12/06/08	Menjalankan Ujian	5A, 5B & 5C
2	13/06/08	Memeriksa kertas jawapan	5A, 5B & 5C
3	14/06/08	Perbincangan – bahan untuk ”Dril & Practice”	5A, 5B & 5C
4	19/06/08	”Drill & Practice” 1	5A, 5B & 5C
5	20/06/08	”Drill & Practice” 2	5A, 5B & 5C
6	23/06/08	”Drill & Practice” 3	5A, 5B & 5C
7	25/06/08	”Drill & Practice” 4	5A, 5B & 5C
8	26/06/08	”Drill & Practice” 5	5A, 5B & 5C
9	30/06/08	”Drill & Practice” 6	5A, 5B & 5C
10	02/07/08	”Drill & Practice” 7	5A, 5B & 5C
11	03/07/08	”Drill & Practice” 8	5A, 5B & 5C
12		Peperiksaan Excel 2	5A, 5B & 5C
13		Memeriksa kertas jawapan	5A, 5B & 5C
14		Refleksi	5A, 5B & 5C

Selepas "Drill dan Practice" yang terakhir kami telah membuat persediaan untuk menyediakan refleksi hasil kajian kami berdasarkan markah peperiksaan Excel ke – dua untuk subjek Bahasa Inggeris pada bulan Ogos.

REFLEKSI

Melalui ujian yang telah kami jalankan pada awal sesi kajian kami iaitu pada 12/06/08, kami mendapati bahawa masih ramai dikalangan pelajar di ketiga-tiga buah kelas yang tidak memahami kehendak soalan dan juga cara mengaplikasikan "scan and skimming" semasa "Summary Writing". Hanya beberapa orang pelajar sahaja yang dapat menggunakan teknik tersebut dengan baik tetapi tidak semua dapat menguasai penggunaan "Transitional Expression" dengan baik ("logical connectors dan sequence connectors – contoh:- however, therefore, in addition, first, second, next, then dan finally).

Bahan-bahan untuk "Drill & Practice" yang akan kami gunakan terdiri daripada beberapa petikan yang terpilih daripada buku teks Bahasa Inggeris tingkatan 5. Sebelum pelajar melakukan "Summary Writing" kami akan pastikan mereka melakukan aktiviti "scan and skimming" terlebih dahulu untuk mencari isi penting yang dikehendaki oleh soalan. Pelajar telah mula melakukan aktiviti yang kami rancang sejak 19/06/08 sehinggalah 03/07/08. Setiap kali sebelum bermulanya aktiviti "Summary Writing" tersebut, kami telah mengingatkan pelajar untuk sentiasa merujuk nota strategi penulisan "Summary Writing or The Art of Summary Writing" yang telah kami bekalkan kepada pelajar sebelum Ujian pertama dijalankan.

Pada sesi pertama, ke dua dan ke tiga sesi "Drill and Practice " dijalankan ada diantara kumpulan pelajar tersebut yang merungut kerana terpaksa melakukan aktiviti yang sama di mana mereka kurang minat melakukannya ekoran daripada tidak begitu mahir dalam penulisan "Summary Writing". Tetapi selepas beberapa sesi mereka mendapati bahawa mereka dapat menyiapkan aktiviti yang dijalankan dengan lebih cepat dan mula memahami kepentingan "Scan and Skimming" dan juga penggunaan "Transitional Expression" yang telah diajarkan kepada mereka.

Kami juga mendapati bahawa ketika sesi "Scan and Skimming" pelajar semakin mahir dalam mengenal pasti isi-isi penting yang dikehendaki oleh soalan dan ini secara tidak langsung telah mempercepatkan proses penghasilan "Summary Writing " dikalangan pelajar. Adalah tidak dinafikan terdapat segelintir pelajar yang lemah dalam Bahasa Inggeris dimana halangan utama mereka adalah "Vocabulary" , dimana mereka mengalami kesulitan untuk memahami kebanyakan perkataan sama ada yang terdapat di dalam soalan mahupun petikan yang diberikan. Untuk

kelompok pelajar ini kami telah mengambil inisiatif untuk mengingatkan mereka agar sentiasa merujuk semula kepada soalan dan mencari kata kunci dalam soalan tersebut .

Contoh Soalan:

HIV is a dangerous and infectious virus for which a cure has yet to be found.

Write a summary of:

- the difference between HIV and AIDS
- the progress of HIV infection to AIDS
- how HIV is spread
- how to avoid being infected by HIV

USE ONLY THE MATERIAL FROM LINE 7 TO 55.

Your summary must be in continuous writing (not in note form). It must not be longer than **160 words, including the 10 words** given below. Use your own words where possible but make sure the meaning of the text will not be affected

Begin your summary as follows:

HIV is the name of the virus that causes AIDS...

Berdasarkan pada contoh soalan di atas perkataan yang bergaris dan ditebalkan hurufnya merupakan kata kunci ataupun petunjuk yang sentiasa kami ingatkan kepada kelompok pelajar yang lemah berbanding pelajar-pelajar lain.

Prestasi pelajar berdasarkan pemerhatian kami sepanjang aktiviti “Drill and Practice” ini dijalankan telah menunjukkan perubahan yang positif dari segi kebolehan pelajar memahami kehendak soalan dan juga dalam selok belok teknik ataupun strategi “Summary Writing”. Pada minggu terakhir sesi “Drill and Practice” untuk “Summary Writing” tersebut, pelajar memberitahu bahawa semakin kerap mereka melakukan aktiviti tersebut maka semakin mudah bagi mereka untuk menyudahkan tugas yang diberi.

Kami juga menyedari akan perubahan tersebut kerana pelajar tidak lagi bertanya soalan seperti maksud petikan dan juga “Summary Writing “ yang mereka hasilkan setiap kali sesi dijalankan telah menjadi semakin baik dan mencapai target markah yang disasarkan.

Keberkesanan penggunaan kaedah “Drill and Practice” dalam P&P untuk “Summary Writing” ini juga dapat dilihat terutama selepas mereka menamatkan

Peperiksaan Excel SPM yang ke-dua dalam bulan Ogos yang lepas. Markah yang diperolehi oleh pelajar dari ketiga-tiga kelas sasaran untuk "Summary Writing" adalah lebih baik berbanding yang sebelumnya. Mereka juga telah tidak melakukan kesilapan yang sebelum ini mereka lakukan seperti tidak menjawab soalan dan juga lupa format penulisan "Summary Writing" yang hanya ditulis didalam satu perenggan sahaja.

CADANGAN

Kami berpendapat bahawa kaedah "Drill & Practice" ini bukan sahaja wajar dijalankan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam "Summary Writing" bahkan dalam semua bentuk kemahiran yang memerlukan pelajar memahami dan menggunakan format tertentu dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan keputusan peperiksaan yang lebih cemerlang. Antara kemahiran-kemahiran lain yang perlu kepada penggunaan kaedah ini ialah seperti "writing, grammar, literature dan comprehension".

Kaedah ini juga seharusnya dijalankan selepas mengenalpasti pelajar yang agak lemah dalam subjek Bahasa Inggeris terutama selepas ujian kemahiran dijalankan pada awal tahun. Kami yakin bahawa, sekiranya kaedah ini dijalankan secara lebih terancang dengan penyediaan bahan yang terpilih dan disesuaikan dengan tahap pencapaian pelajar maka ia akan membantu menjadikan pelajar lebih mahir bukan sahaja dalam subjek Bahasa Inggeris bahkan juga subjek-subjek lain.

KESIMPULAN

Sebagai seorang guru Bahasa Inggeris, kita bukan sahaja mampu mengenalpasti kelemahan pelajar tetapi juga mencari dan mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki situasi tersebut. Kaedah "Drill & Practice" ini harus sentiasa bermula dengan penerangan (menjelaskan apa yang harus dilakukan) tentang setiap aktiviti yang kami jalankan. Kami mendapati bahawa cara ini berkesan dan memberi impak yang positif bukan sahaja kepada pencapaian keputusan pelajar tetapi juga dari segi kemahiran pelajar dan seterusnya memperbaiki tanggapan mereka terhadap subjek ini yang dianggap susah oleh kebanyakan pelajar.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada pelajar-pelajar kelas Tingkatan 5A, 5B dan 5C yang terlibat didalam kajian tindakan yang kami jalankan ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan guru yang turut memberi pandangan dan buah fikiran dalam melengkapkan hasil kajian kami ini.

BIBLIOGRAFI

Wiersma, W. (2000). Research method in education: An introduction USA: Pearson Education Company.

Teaching Strategies: <http://www.gmu.edu/facstaff/part-time/strategy.html>.

Audioblox (n.d.) Teaching Myth: Repetition and Drill dull creativity. From – <http://www.audioblox200.com/repetition.htm>

<http://itech1.coe.uga.edu/itforum/paper12/paper12.html>.

<http://illinois.online.uillinois.edu/resources/otai/drill.asp>.